

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 152

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan isu kenaikan tarif elektrik oleh TNB dan sejauh manakah perkara ini telah diatasi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 bulan Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut yang menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik dengan tempoh pengebilan biasa dengan corak penggunaan elektrik yang sama. Selain itu, terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar.

2. Bagi mengelakkan tempoh pengebilan yang lebih panjang dan bil elektrik menjadi lebih tinggi, langkah-langkah pencegahan telah dikenal pasti seperti berikut:

- (i) TNB akan mengeluarkan bil anggaran bagi bulan-bulan di mana pengebilan tidak dapat dibuat dalam tempoh sebulan atas sebab-sebab tertentu seperti gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan; dan
- (ii) para pengguna juga boleh menggunakan perkhidmatan skim *Self Meter Reading*, dengan izin, iaitu pengguna boleh memajukan bacaan meter sebenar mereka kepada TNB untuk tujuan pengebilan.

Sekian, terima kasih.